

Newspaper : **Berita Harian,Sabah**  
Date : **4 October 2013**  
Title : **Kota Kinabalu destini pilihan pelabur**  
Section : **Business** Page : **2**

Bina Puri Holdings Bhd  
(207184-X)

# Kota Kinabalu destinasi pilihan pelabur



Abidin (kiri) pada majlis pelancaran projek pembangunan komersial 8 Avenue dibangunkan syarikat Bina Puri dan Kensington Development Sdn Bhd, semalam. (FOTO LANO LAN/BI)

**Kota Kinabalu:** Sektor perniagaan di bandar raya ini terus berkembang dengan kadar kepadudukan kompleks komersial melebihi 85 peratus.

Ia sekali gus menjadikan bandar raya ini antara destinasi perniagaan paling mendapat tumpuan pelabur selepas Kuala Lumpur dan Pulau Pinang sejak 2008.

Datuk Bandar Kota Kinabalu, Datuk Abidin Madingkir, berkata ketika ini ada 17 kompleks komersial berskala besar beroperasi sekitar bandar raya dengan kapasiti ruang perniagaan seluas 1.53 juta meter persegi, tidak termasuk kom-

**“  
Saya percaya keadaan ini akan berterusan dan secara tidak langsung menggalakkan pelabur untuk merancang lagi aktiviti perniagaan”**

**Abidin Madingkir**  
Datuk Bandar  
Kota Kinabalu

pleks komersial yang dalam pembinaan.

**Mampu jana pendapatan**

“Sesetengah kompleks yang menawarkan kadar sewa tinggi turut mendapat sambutan menggalakkan. Ini bermakna, sektor perniagaan di bandar raya ini terus berkembang dan mampu menjana pendapatan besar.

“Saya percaya keadaan ini akan berterusan dan secara tidak langsung menggalakkan pelabur untuk merancang lagi aktiviti perniagaan,” katanya pada majlis pelancaran projek pembangunan komer-

sial 8 Avenue dibangunkan syarikat Bina Puri dan Kensington Development Sdn Bhd, di Jalan Tuaran Bypass, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Bina Puri Properties Sdn Bhd, Tan Sri James Foong; Pengarah Urusan Kumpulan Bina Puri Holdings Bhd, Tan Sri Tee Hock Seng dan Pengarah Eksekutif Kensington Development Sdn Bhd, Peter Thien.

Abidin berkata, pertumbuhan pesat sektor perniagaan disokong peningkatan projek pembangunan hartanah selaras permintaan tinggi ruang perniagaan dan kediaman.

**Destinasi tumpuan**

“Beberapa pemaju besar seperti Bina Puri, SP Setia, Suria Capital Holdings dan Kumpulan Mah Sing kini giat melaksanakan projek pembangunan hartanah di bandar raya ini.

“Pembabitan mereka dalam pelaburan sektor hartanah bukan saja membantu perkembangan sektor perniagaan, malah membantu usaha Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) menjadikan ibu negeri sebuah bandar raya maju pada 2020,” katanya.

Beliau berkata, kepelbagaian aktiviti perniagaan turut menjadikannya destinasi tumpuan pelancong, selain menarik kehadiran ramai golongan muda bekerja dan tinggal di bandar raya ini.